

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG]

TARIKH : 11.6.2014

SOALAN :

Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah pendirian terkini Kementerian terhadap penghantaran pelajar Malaysia ke institusi-institusi pengajian tinggi Islam di negara-negara yang sedang bergolak seperti Mesir dan Syria.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tidak menggalakkan pelajar-pelajar Malaysia untuk menyambung pengajian ke institusi pengajian tinggi di negara bergolak seperti Mesir dan Syria memandangkan keadaan keselamatan dan politik yang masih tidak stabil. Hal ini adalah selaras dengan *Travel Advisory* daripada Kementerian Luar Negeri yang masih berkuat kuasa di mana rakyat Malaysia dinasihati supaya tidak berkunjung ke **Mesir**.

Rjm46